

Iktibar di sebalik kehilangan pesawat MH370

Oleh NISAR MOHAMMAD AHMAD

DI SAAT ini, negara kita sedang menjadi perhatian dan bualan masyarakat dunia serta bahan berita utama di media-media antarabangsa. Semuanya kerana insiden kehilangan pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH370 pada Sabtu, 8 Mac lalu, yang sehingga kini masih belum dijumpai.

Pesawat yang dalam perjalanan ke Beijing dari Kuala Lumpur itu hilang sebelum sempat memasuki ruang udara China. Sama ada berada di laut atau di darat dan sama ada penumpangnya masih hidup atau sebaliknya, tiada yang tahu. Tidak mungkin ia masih berada di udara kerana sudah pasti kehabisan minyak. Jika terhempas di daratan, sudah pasti ada bangkainya dan jika tenggelam di lautan sudah pasti ada tandatandanya di permukaan laut.

Yang pasti, insiden ini masih menjadi misteri. Ketika arikel ini ditulis, usaha mencari dan menyelamat (SAR) sedang giat dijalankan melibatkan beberapa negara seperti Vietnam, China, Filipina, Indonesia, Australia, New Zealand, Singapura, Amerika Syarikat selain Malaysia sendiri.

Di sebalik kehebatan peralatan, kelengkapan serta aset pertahanan yang digunakan, lokasi dan keberadaan pesawat ini masih menjadi tanda tanya. Pelbagai teori dan tidak kurang juga spekulasi dibuat oleh pihak-pihak tertentu untuk menjustifikasikan kehilangan dan kedudukan sebenar pesawat MH370 ketika ini namun semuanya belum cukup kuat untuk memberi sebarang petunjuk dan tanda. Walaupun insiden ini dianggap misteri, ia sebenarnya suatu peristiwa yang unik dan sarat dengan pengajaran yang boleh diambil iktibar oleh kita semua.

Pertamanya, kuasa dan kemampuan manusia itu amat terhad dan terbatas. Manusia telah mencapai suatu tahap ketamadunan yang canggih dan maju dengan pelbagai penemuan sains dan teknologi. Contohnya, kemajuan teknologi hari ini membolehkan manusia mengesan identiti dan kedudukan seseorang walau di mana ia berada di atas bumi ini menggunakan satelit - *Global Positioning Service* (GPS). Kaedah ini juga digunakan secara me-

Insiden ini menghantar mesej jelas yang manusia mempunyai kelemahan dan kelemahan itu adalah bukti sifat kehambaan mereka

luas untuk memudahkan pergerakan manusia dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain.

Namun, apabila mencapai suatu tahap kemajuan yang tinggi, manusia secara kebiasaannya amat mudah berasa bangga dan hebat sehingga alpa akan hakikat kehambaan diri mereka. Harus diingat, kemampuan pemikiran manusia amat terhad dan masih terdapat perkara yang tidak mampu dicapai oleh akal fikiran manusia. Insiden kehilangan MH370 ini adalah salah satu contohnya. Ia sudah pasti tidak berlaku secara kebetulan. Allah hadir dan takdirkan peristiwa ini kepada kita untuk kita sama-sama mengambil iktibar daripadanya.

Insiden ini menghantar mesej jelas yang manusia mempunyai kelemahan dan kelemahan itu adalah bukti sifat kehambaan mereka. Di sebalik peristiwa ini, iman manusia kepada Allah semakin bertambah kerana tiada manusia yang mampu merencanakan insiden kehilangan pesawat yang penuh misteri ini sehingga begitu sukar untuk menjejalkannya. Sudah pasti ada kuasa yang lebih hebat daripada kuasa manusia.

Apabila manusia gagal menjejaki kehilangan pesawat ini, itu tandanya manusia itu lemah dan apabila manusia itu mengakui dirinya lemah dan tidak berdaya maka akan robohlah sikap ego dan sombong di dalam diri. Jika itu berlaku, maka manusia itu sebenarnya telah menunjukkan sifat kehambaan dalam dirinya. Sememangnya manusia itu fitrahnya bertuhan. Jika tersepit dalam kesukaran, manusia pasti menyebut nama tuhan, serta merayu dan merintah memohon pertolongan. Justeru, insiden ini adalah suatu peringatan agar kita sentiasa ingat dan bergantung harap kepada-Nya dalam menghadapi apa jua cabaran dalam kehidupan.

Keduanya, sifat belas kasihan sesama manusia adalah suatu fitrah. Dalam insiden ini,

semua rakyat Malaysia, tidak kira apa jua bangsa dan agama, bersatu hati memberi sokongan tidak berbelah-bahagi dan sama-sama berkongsi kesedihan dengan ahli keluarga yang kehilangan orang tersayang mereka dalam insiden ini. Pelbagai cara digunakan untuk menzahirkan perasaan ini. Ada yang melukis gambar, mengirim kata-kata semangat melalui media sosial, menyediakan bantuan kepada waris, mengadakan solat hajat khas untuk mereka yang terlibat dan sebagainya.

Pihak berkuasa di Malaysia, melalui agensi-agensi berkaitan juga telah berusaha sedaya-upaya dan bersungguh-sungguh dalam mengesan kedudukan pesawat yang hilang tersebut.

Sentimen sama turut dikongsi oleh masyarakat antarabangsa. Ini dapat dilihat dengan sokongan dari negara-negara yang terlibat dalam operasi mencari pesawat yang masih berjalan. Masing-masing menghantar bantuan walau tidak diminta. Ada negara yang walaupun rakyatnya tidak termasuk dalam senarai penumpang MH370 namun turut menyertai misi mencari dan menyelamat. Begitu juga, pemimpin antarabangsa menzahirkan simpati. Ini menjadi bukti bahawa setiap manusia mempunyai suatu fitrah yang serupa iaitu mengasihi dan menyayangi atas dasar kemanusiaan.

Ketiga, doa adalah senjata orang mukmin. Insiden kehilangan pesawat MH370 memberi petunjuk kepada kelemahan manusia. Apabila sudah tidak memperolehi sesuatu setelah berusaha sedaya upaya, manusia akan menyerahkan segalanya kepada tuhan. Itulah konsep tawakal yang dianjurkan oleh Islam. Sesungguhnya Allah amat suka melihat hamba-Nya menadah tangan memohon pertolongan daripada-Nya kerana itu bukti pengiktirafan kita kepada ketuhanan Allah dan kehambaan kita.

Firman Allah di dalam Surah Al-Baqarah

ayat 186: *“Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu mengenai Aku maka (bertanyalah kepada mereka), sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka), Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka menyahut seruan-Ku (dengan mematuhi perintah-Ku), dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka menjadi baik serta betul.”* Begitu lah besarnya fadilat berdoa kepada Allah SWT. Bahkan dalam sebuah hadis, Nabi Muhammad SAW menjelaskan bahawa takdir yang Allah tentukan boleh berubah dengan doa seseorang. *“Tidak ada yang dapat menolak takdir (ketentuan) Allah selain doa. Dan tidak ada yang dapat menambah (memanjangkan) umur seseorang selain (perbuatan) baik.”* (Hadis riwayat Tirmidzi 2065).

Justeru, insiden kehilangan pesawat MH370 harus dilihat dari sudut positif walaupun pada hakikatnya tiada siapa yang inginkan ia berlaku. Ini kerana, sebagai seorang hamba, kita tidak memiliki apa-apa melainkan semuanya dimiliki oleh Allah. Sebagai pemilik alam semesta termasuk diri kita, Allah lebih berhak menentukan urusan hidup kita serta lebih memahami apa yang terbaik untuk kita berbanding diri kita sendiri.

Firman Allah di dalam Surah Al-Baqarah Ayat 216: *“Boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah jualah Yang Mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya.”*

Marilah sama-sama kita terus berdoa kepada Allah agar dipermudahkan usaha-usaha mencari pesawat MH370 serta diberi kekuatan kepada pihak yang terlibat dalam operasi mencari dan menyelamat. Juga kita doakan agar ahli keluarga mereka yang terlibat dengan insiden ini tabah dan sabar menempuhi saat sukar sebegini. Mudah-mudahan ada hikmah dan pengajaran besar yang kita perolehi daripada insiden ini.

PENULIS ialah Penyelidik Tamu, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).